


## D. Baca petikan di bawah dan jawap soalan berikut.

Buah pisang berwarna hijau ketika muda dan bertukar menjadi warna kuning apabila telah masak. Pisang boleh dijadikan sebagai pisang goreng, cekodok dan lempeng untuk sarapan.

Pisang mempunyai pelbagai vitamin. Pisang mampu menyokong kesihatan dan perkembangan minda. Buah pisang adalah sangat mudah untuk didapati di pasaran tempatan.

Pisang juga dapat memberikan tenaga kepada kanak-kanak tanpa melibatkan penggunaan lemak dan kolesterol.



1. Buah pisang berwarna \_\_\_\_\_ semasa muda.
2. Pisang dijadikan sebagai \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
3. Pisang mampu menyokong perkembangan \_\_\_\_\_.
4. Pisang dapat memberikan tenaga tanpa \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.
5. Pisang berwarna \_\_\_\_\_ apabila telah masak.

## E. Isi tempat kosong dengan kata hubung yang betul.

manakala

dan

lalu

serta

atau

1. Sayur-sayuran \_\_\_\_\_ buah-buahan adalah baik untuk kesihatan.
2. Pisang dan betik adalah jenis buah, \_\_\_\_\_ timun dan sawi merupakan jenis sayur-sayuran.
3. Pemakanan yang sihat \_\_\_\_\_ pengamalan gaya hidup aktif dapat membantu dalam imunisasi badan.
4. Buah betik \_\_\_\_\_ buah pisang yang mempunyai vitamin c ?
5. Amin makan tengahari \_\_\_\_\_ minum jus epal yang dibawanya.